

# AKTIF KOKURIKULUM

» *Bukan membebankan, sebaliknya bantu maksimum kemahiran insaniah*

Oleh Rosniza Mohd Taha

yoniza@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Pelajar digalak meningkatkan pengetahuan dalam aktiviti Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB)

bagi memaksimumkan peluang mengasah kemahiran insaniah (KI), bukan bertujuan membebankan.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata walaupun Kementerian Pendidikan menetapkan syarat minimum dua kredit KKB untuk bergraduat, kebanyakan

pelajar di universiti itu mencatat antara dua hingga enam kredit bagi aktiviti berkenaan.

Katanya, penyertaan dalam pelbagai aktiviti KKB memberi pendedahan meluas sekali gus mencerminkan tahap KI tinggi yang bakal memberi kelebihan kepada pelajar apabila membina kerjaya.

• V2



## INOVASI

» Pleat maker mudahkan proses lipatan • V6

# KKB bantu pelajar menjadi lebih berdisiplin

## ● Dari muka 1

Sehubungan dengan itu, katanya, pelajar sendiri perlu mengubah persepsi negatif dengan menganggap penyertaan dalam KKB sebagai persediaan menjadi modal insan pilihan industri, bukan sekadar untuk memenuhi syarat bergraduat.

"Setakat ini, tiada lagi pelajar yang aktif dalam persatuan dan KKB kecundang dalam akademik, sebaliknya lebih hebat kerana bijak mengatur masa bagi memastikan pembabitan dalam pelbagai aktiviti luar kuliah tidak menjelaskan pengajian mereka.

Pelajar menghadiri KKB selama tiga jam pada Sabtu atau Rabu bagi sesetengah universiti bagi tempoh 14 minggu untuk satu kredit. Segelintir pelajar yang menganggap KKB membebankan sebenarnya menjadikan ia alasan untuk tidak menyertainya kerana pentingkan tidur atau balik

kampung daripada membina masa depan mereka," katanya.

Bagi memastikan tiada pelajar ketinggalan dalam memanfaatkan kelebihan KKB, universiti perlu menawarkan kepelbagaian pilihan aktiviti yang mampu menarik minat pelajar menyertainya.

Prof Mohammad Shatar memberi contoh UPM yang menyediakan 54 aktiviti KKB merangkumi lapan teras iaitu sukan, kebudayaan, khidmat komuniti, sukarelawan, kepemimpinan, keusahawan, daya usaha dan inovasi serta pengucapan awam.

### Khidmat komuniti

Katanya, walaupun kebanyakannya pelajar memilih aktiviti teras sukan dan kebudayaan, universiti menggalakkan pembabitan dalam kegiatan khidmat komuniti dan badan beruniform kerana ia berupaya membangunkan KI yang lebih menyeluruh.

Beliau berkata, pendedahan diterima menerusi kedua-dua

aktiviti itu mencakupi ketujuh-tujuh KI utama ingin dibangunkan iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran sepanjang hayat, keusahawan, etika dan nilai profesional serta kepemimpinan.

"Pendedahan menyeluruh berpotensi diterima menerusi kedua-dua aktiviti itu turut membolehkan pelajar menyertainya menerima jumlah kredit lebih tinggi, contohnya, Pasukan Latihan Pegawai Simpanan menerima enam kredit sementara pengakap diberi empat kredit, dengan syarat mereka melengkapkan modul latihan bukan separuh jalan.

"UPM turut mewajibkan aktiviti khidmat komuniti sebagai KKB bagi semua pelajar dan akan melancarkan projek 'Satu Kolej, Satu Komuniti' bagi memastikan pelajar UPM memainkan peranan membangunkan taraf hidup masyarakat setempat dalam lingkungan 150 meter daripada kawasan kampus," katanya.



Prof Yuserrie Zainuddin

### Maklum balas baik

Beliau berkata, pelaksanaan KKB yang diwajibkan Kementerian Pendidikan sejak tahun 2006 turut mendapat maklum balas baik daripada majikan yang antara lain mengesahkan peningkatan kualiti graduan termasuk lebih bersedia menghadapi sesi temu duga serta mempunyai kemahiran komunikasi yang lebih baik.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia

Pahang (UMP), Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin berkata, sebanyak 24 aktiviti dan empat pasukan beruniform ditawarkan sebagai KKB di universiti itu.

Katanya, purata kredit dicatat pelajar UMP juga antara dua hingga enam kredit dengan kebanyakannya memilih aktiviti memanah, sukan ekstrim, kaunselor siswa dan anyaman.

"Penyertaan pelajar dalam aktiviti KKB boleh ditingkatkan bagi menjadikan mereka pelajar yang berdisiplin dalam mengatur masa, bertanggungjawab, prihatin dengan persekitaran, yakin dan fokus dalam kehidupan.

"Jumlah kredit tinggi diperoleh pelajar menerusi KKB adalah pengiktirafan terhadap usaha dan ilmu diperoleh daripada program disertai selain memberi gambaran kepada majikan mengenai elemen kemahiran insaniah yang lebih holistik dimiliki seseorang calon," katanya.